

Harga bawang masih terkawal



Nazirah memilih bawang di sebuah pasar raya di Ijok semalam.

KUALA SELANGOR - Harga bawang yang dijual di sebuah pasar raya di Ijok masih dalam keadaan terkawal dan tiada kenaikan mendadak.

Pengguna, Nazirah Bakar, 52, berkata, dia yang membeli bawang di pasar raya itu masih berpuas hati dengan harga tersebut.

Menurutnya, harga bawang besar misalnya hanya dijual RM5.59 sekilogram yang dianggap masih rendah berbanding di tempat lain.

"Saya datang ke sini memang ingin cari bawang dan harga yang dijual masih berpatutan walaupun kebanyakannya kawasan berlaku kenaikan mendadak," katanya.

Nazirah berkata, harga bawang

kecil bagaimanapun mengalami sedikit kenaikan apabila dijual RM9.99 berbanding RM6 hingga RM7 sekilogram sebelum ini.

"Kalau tengok harga bawang kecil naik sedikit, tetapi tidaklah terlalu mendadak hingga mencecah belasan ringgit," katanya.

Seorang pelanggan, Mohd Azizol Abd Rahim, 35, berkata, mungkin hanya bawang yang diimport dari India mengalami kenaikan harga drastik.

Katanya, bawang Belanda misalnya hanya dijual RM3.29 sekilogram sahaja di pasar raya itu.

"Saya tak nampak pula bawang dari India dijual di sini mungkin harapannya jauh lebih mahal," katanya.